- 18.1 The Customer(s) authorise(s) KFHMB to disclose information on the Account as may be required by any KFHMB group of companies Bank Negara Malaysia and any relevant party as KFHMB deems necessary. KFHMB shall be absolved from any responsibilities or liabilities.

## **19. VARIATION OF TERMS AND CONDITIONS**

19.1 KFHMB reserves the right at its absolute discretion to vary, delete or add to any of these Terms & Conditions contained herein wholly or in part its absolute discretion and may terminate or extend the product offering with prior notice to customers. KFHMB may give such notice or communication to customers through any modes or methods as KFHMB deems appropriate including without limitation by post, by notification in the mass media, by posting the notice in the KFHMB's branches, by inserting the notice into the periodic statement of account, by electronic transmission (including via facsimile, mobile phones, other devices or the internet) or by posting at KFHMB's website or at ATM or other terminals under the control of KFHMB. The latest Terms & Conditions can be accessed from KFHMB's website at [www.kfh.com.my](http://www.kfh.com.my) and/or available on request from KFHMB's branches or any other delivery channel of KFHMB.

19.2 Any additions, variations or modifications shall be deemed as final and binding whether or not the same is printed in the quarterly statement or transaction slip.

## **20. MISCELLANEOUS**

20.1 For the purposes of this Terms and Conditions:

- (a) the expression "**Business Day**" means a day (excluding Saturday, Sunday and Public Holiday) on which banks are open for business in Malaysia;
- (b) the expression "**Ringgit Malaysia or RM**" means the lawful currency of Malaysia;
- (c) the expression "**United States Dollar or USD**" means the lawful currency of the United States of America.
- (d) the expression "Bai As-Sarf" means the exchange of one monetary form for another in the same or different form, i.e. gold for gold coins, silver for silver, gold for silver or vice versa, etc., subject to Shariah compliance.
- (e) the expression "Qardh" means the Islamic contract of Qardh between the Customer as creditor (Muqridh) and KFHMB as the debtor (Muqtaridh), whereby the Customer's deposits in the KFH Gold Account-i shall constitute benevolent loan to KFHMB by the Customer so long it remains in the Account.

20.2 In addition to the terms and conditions herein contained, the operation of the Account shall be governed by and be subject to the rules, regulations and guidelines issued by Bank Negara Malaysia, Association of Islamic Banking Institutions Malaysia and other relevant bodies or associations whether or not such rules, regulations and guidelines have the force of law.

20.3 If there is any discrepancy in meaning between the English version of any of these Terms and Conditions with any translation, the English version shall prevail.

**NOTICE:** The returns on KFH Gold Account-i are subject to the gold price fluctuations. Customers are advised to read and understand the product before making any deposit. This product is not insured by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

# **TERMA DAN SYARAT KFH AKAUN EMAS-i**

KFH Akaun Emas-i (kemudian dari ini dirujuk sebagai “Akaun”) akan dikawal oleh dan tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, Terma dan Syarat Am KFHMB dan borang membuka akaun standard KFHMB, tertakluk kepada semakan perubahan dari semasa ke semasa oleh KFHMB.

## **1. KONTRAK**

- 1.1 Akaun akan dikendalikan berdasarkan kontrak Bai As-Sarf dan Qardh seperti yang berikut:-
  - (a) di bawah kontrak Bai As-Sarf, Pelanggan akan membeli emas (dalam gram) (kemudian dari ini dirujuk sebagai “Emas”) pada harga jualan KFHMB daripada KFHMB; dan
  - (b) seterusnya Emas yang dibeli tersebut dan apa-apa jumlah Emas yang akan dibeli berikutnya akan didepositkan ke dalam Akaun berdasarkan kontrak Qardh dengan KFHMB sebagai penghutang (Muqtaridh) dan Pelanggan sebagai pemutang (Muqriddh); tertakluk kepada terma dan syarat terkandung dalam dokumen ini.
- 1.2 Pembelian Emas oleh Pelanggan daripada KFHMB di bawah Akaun terlaksana setelah mendebitkan akaun simpanan atau akaun semasa Pelanggan (selepas ini dirujuk sebagai “Akaun yang Ditetapkan”) yang dibuka dan diselenggarakan di KFHMB dan direkodkan dalam slip urus niaga yang dikeluarkan oleh KFHMB kepada Pelanggan setelah Emas dibeli. Slip Urus niaga menyatakan jumlah pembelian Emas dan baki Akaun.
- 1.3 Akaun ini merupakan akaun tanpa buku simpanan. Penyata Akaun akan dihantar kepada Pelanggan setiap suku tahunan atau tempoh lain yang ditentukan oleh KFHMB atau akan disediakan apabila diminta oleh Pelanggan.
- 1.4 Baki Akaun yang dinyatakan dalam penyata dan slip urus niaga merupakan Emas dalam gram dan mempunyai minimum 995.0 bahagian emas halus bagi setiap 1000 bahagian.

## **2. PEMBUKAAN KFH AKAUN EMAS-i DAN AKAUN YANG DITETAPKAN**

- 2.1 Akaun dibuka dengan menggunakan borang yang ditetapkan oleh KFHMB dan tertakluk kepada keperluan KFHMB dan dokumen sokongan yang boleh diterima oleh KFHMB. KFHMB mungkin mengubah keperluan sedemikian pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlaknya tanpa memberikan notis kepada Pelanggan.
- 2.2 Setelah Akaun dibuka, Pelanggan akan, dengan serentak [jika Pelanggan belum membuka apa-apa Akaun yang Ditetapkan dengan KFHMB], membuka dan menyelenggarakan Akaun yang Ditetapkan dengan KFHMB tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam Terma dan Syarat Am KFHMB.
- 2.3 Pelanggan dengan ini bersetuju dan membenarkan KFHMB untuk menghubungkan Akaun dengan Akaun yang Ditetapkan dan membenarkan KFHMB mendebitkan Akaun yang Ditetapkan bagi pembelian dan penjualan Emas atau untuk fi dan/atau bayaran lain yang mungkin dikenakan oleh KFHMB di bawah Akaun.

## **3. AKAUN BERSAMA**

- 3.1 Apabila Akaun diselenggarakan dengan KFHMB sebagai Akaun Bersama:
  - (a) Akaun Bersama perlulah dibuka oleh kesemua Pelanggan. Apabila KFHMB diarahkan dan diberi kuasa untuk bertindak di atas arahan mana-mana satu daripada Pelanggan itu, Akaun boleh diuruskan dan/atau ditutup oleh mana-mana satu daripada Pelanggan tersebut. Apabila KFHMB diberi kuasa untuk bertindak menurut arahan kedua-dua atau kesemua Pelanggan, Akaun itu boleh dikendalikan dan/atau ditutup oleh kedua-dua atau kesemua Pelanggan bergantung kepada keadaan;
  - (b) Setiap pemegang Akaun Bersama memberi kuasa kepada KFHMB untuk memungut dan menerima kredit kepada Akaun bersama sebarang cek atau arahan pembayaran kepada mana-mana satu daripada pemegang Akaun secara persendirian atau sehingga dua (2) atau lebih daripada mereka secara berkumpulan, dan bersetuju bahawa KFHMB bebas untuk mengendalikan dana-dana tersebut selaras dengan kontrak berlandaskan Shariah untuk Akaun tersebut;
  - (c) Jika salah seorang daripada pemegang Akaun meninggal dunia atau muflis, KFHMB mungkin tetapi tidak wajib untuk mengizinkan pengendalian berterusan Akaun sama seperti tiada perubahan yang berlaku kepada pemegang Akaun bersama dan menganggap kontrak berlandaskan Shariah pada Akaun diteruskan dengan pemegang Akaun yang tinggal;
  - (d) Setiap pemegang Akaun melepaskan KFHMB daripada menanggung sebarang kerugian, kerosakan dan kos yang ditanggung oleh KFHMB bagi segala wang yang dibayar keluar di bawah arahan Pelanggan;
  - (e) Kewajipan setiap pemegang Akaun Bersama adalah beberapa; dan
  - (f) Setiap pemegang Akaun bersama akan dianggap mempunyai bahagian setara yang belum dibahagikan di antara mereka ke atas hak mereka bagi jumlah yang ada pada Akaun (jika ada) di bawah kontrak berlandaskan Shariah.
  - (g) Untuk Akaun ‘Minor’ iaitu individu berumur 18 tahun ke bawah, pemegang Amanah harus di atas nama ibubapa/penjaga yang sah. Penjaga yang sah seharusnya seorang yang telah dipertanggunjawabkan untuk menjaga “Minor” di dalam mahkamah undang-undang dan harus mempunyai dokumen sah untuk membuktikan kesahihan sebagai penjaga yang sah.

#### **4. PERISYIHKAN**

- 4.1 Pelanggan mengaku bahawa dia/mereka mempunyai keupayaan, hak, kuasa dan autoriti sepenuhnya dari segi undang-undang untuk mengikat kontrak bagi pembelian dan penjualan Emas.
- 4.2 Pelanggan mengetahui dan mengaku bahawa pasaran emas cepat berubah dan terdapat kemungkinan bahawa dia/mereka mungkin menanggung kerugian. Pelanggan mengesahkan bahawa keputusan untuk membuka Akaun adalah atas pertimbangan Pelanggan itu sendiri dan/atau berdasarkan nasihat bebas yang diperoleh tanpa bergantung pada apa-apa bahan yang disediakan atau nasihat yang diberikan oleh KFHMB atau wakilnya.
- 4.3 Pelanggan bersetuju bahawa KFHMB tidak mempunyai tanggungjawab atau liabiliti walau apa pun kepada Pelanggan bagi apa-apa penyusutan atau pengurangan nilai Emas tersebut yang dibeli oleh Pelanggan di bawah Akaun. Pelanggan memahami dan dengan ini bersetuju untuk menanggung apa-apa kerugian akibat turun naik harga Emas.
- 4.4 Pembukaan, operasi dan penutupan Akaun adalah sepenuhnya atas budi bicara mutlak KFHMB termasuk hak KFHMB untuk menolak apa-apa permohonan untuk membuka Akaun, atau untuk menolak apa-apa pembelian emas, atau untuk membekukan Akaun sepenuhnya atau sebahagianya, atau untuk menolak penerimaan apa-apa jumlah untuk pembukaan akaun bagi apa-apa justifikasi undang-undang tanpa memberikan apa-apa sebab atau notis terlebih dahulu kepada Pelanggan.

#### **5. PEMBELIAN EMAS**

- 5.1 Pelanggan boleh, pada bila-bila masa Hari Perniagaan dan dari semasa ke semasa membeli daripada KFHMB apa-apa jumlah Emas dengan menyerahkan Borang Permohonan yang lengkap diisi sewajarnya dan/atau Slip Pengeluaran dan Pemindahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam borang yang ditetapkan oleh KFHMB dari semasa ke semasa, kepada KFHMB tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini. Setelah Borang Permohonan Pelanggan atau Slip Pengeluaran dan Pemindahan diterima, mengikut mana-mana yang berkenaan, KFHMB akan dengan serta-merta merekodkan urus niaga pembelian dalam slip urus niaga dan seterusnya dalam penyata suku tahunan yang dikeluarkan oleh KFHMB, kuantiti Emas yang dibeli dan harga Emas bagi setiap gram pada masa KFHMB menerima Borang Permohonan Pelanggan atau slip urus niaga, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 5.2 Pembelian permulaan minimum Emas mestilah tidak kurang daripada SEPULUH (10) gram Emas untuk pelanggan individu, LIMA (5) gram Emas untuk pelanggan ‘Minor’ atau LIMA PULUH (50) gram Emas untuk pelanggan bukan individu atau kuantiti Emas yang lain seperti yang mungkin ditentukan oleh KFHMB dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlaknya tanpa memberikan apa-apa sebab.
- 5.3 Selepas itu, bagi setiap pembelian Emas seterusnya hendaklah tidak kurang dari SATU (1) gram Emas (atau kuantiti minimum yang lain seperti yang ditentukan oleh KFHMB dari semasa ke semasa) dan dalam gandaan SATU (1) gram Emas (atau kuantiti berganda minimum yang lain seperti yang ditentukan oleh KFHMB dari semasa ke semasa).

#### **6. HARGA BELIAN**

- 6.1 Tertakluk kepada fasal 6.2 di bawah, harga belian setiap gram bagi setiap pembelian yang dibuat oleh Pelanggan merupakan harga jualan seperti yang ditetapkan oleh KFHMB kepada Pelanggan apabila pesanan belian dibuat. Harga jualan yang ditetapkan akan ditentukan oleh KFHMB menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya, dengan mengambil kira semua faktor yang disifatkan berkaitan oleh KFHMB termasuk keadaan semasa pasaran dunia dan tempatan pada masa ini untuk Emas, kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM) dan kehalusan Emas.
- 6.2 Harga belian dan jualan Emas pada setiap hari akan dipamerkan semasa waktu perniagaan di cawangan KFHMB melainkan jika keadaan pasaran berubah menjadikan ia tidak praktikal bagi KFHMB untuk memberikan sebut harga atau mempamerkan harga tersebut. Jika harga tidak dipamerkan disebabkan oleh turun naik pasaran atau dalam situasi yang KFHMB hanya dapat menjalankan arahan Pelanggan pada Hari Perniagaan berikutnya, maka harga yang digunakan ialah harga yang ditetapkan oleh KFHMB menurut budi bicara tunggal dan mutlaknya.
- 6.3 Harga belian akan ditetapkan dalam Ringgit Malaysia dan bayaran untuk harga belian boleh dibuat dalam Ringgit Malaysia dan mata wang asing yang lain yang boleh diterima oleh KFHMB.
- 6.4 Pelanggan akan membuat pembayaran penuh untuk apa-apa Emas yang dibeli daripada KFHMB dengan membenarkan KFHMB mendebitkan Akaun yang Ditetapkan. Pelanggan bersetuju bahawa KFHMB tidak wajib melaksanakan apa-apa pesanan belian jika wang dalam Akaun yang Ditetapkan Pelanggan tidak mencukupi.

#### **7. PENJUALAN EMAS**

- 7.1 Pelanggan boleh mengarahkan KFHMB pada bila-bila Hari Perniagaan untuk menjual Emas yang terdapat dalam Akaun dengan melengkapkan borang pengeluaran/penjualan yang berkaitan seperti yang ditetapkan oleh KFHMB dari semasa ke semasa. Setelah setiap penjualan dibuat, KFHMB akan, dengan serta-merta, merekodkan dalam slip urus niaga dan seterusnya dalam penyata suku tahunan yang dikeluarkan oleh KFHMB, kuantiti Emas yang dijual oleh Pelanggan kepada KFHMB.
- 7.2 Hasil jualan akan dibayar kepada Pelanggan pada Hari Perniagaan yang sama dengan mengkreditkan ke dalam Akaun yang Ditetapkan Pelanggan atau dengan cara lain yang ditentukan oleh KFHMB dan dipersetujui oleh Pelanggan dari semasa ke semasa.

- 7.3 Arahan bertulis Pelanggan kepada KFHMB untuk menjual seperti yang dinyatakan sebelum ini tidak boleh ditarik balik sebaik sahaja diterima oleh KFHMB dan tidak boleh kurang daripada SATU (1) gram Emas (atau kuantiti minimum yang lain seperti yang ditentukan oleh KFHMB dari semasa ke semasa) dan dalam gandaan SATU (1) gram Emas (atau kuantiti berganda minimum yang lain seperti yang ditentukan oleh KFHMB dari semasa ke semasa).
- 7.4 Pelanggan mengetahui dan akan memastikan bahawa pada bila-bila masa Emas yang terdapat dalam Akaun tidak boleh kurang dari DUA (2) gram seperti yang dinyatakan dalam fasal 9 di bawah.
- 7.5 Pelanggan akan memastikan bahawa apa-apa arahan jualan adalah terhad kepada kuantiti sebenar Emas dalam Akaun, dengan mengambil kira bahawa baki minimum perlu terdapat dalam Akaun. Jika Emas dalam Akaun tidak mencukupi, maka KFHMB berhak untuk menolak arahan jualan tersebut.

## **8. HARGA JUALAN**

- 8.1 Tertakluk kepada fasal 6.2 di atas, setiap penjualan Emas yang masih belum dikreditkan ke dalam Akaun oleh Pelanggan kepada KFHMB hendaklah pada harga belian yang ditetapkan oleh KFHMB kepada Pelanggan semasa urus niaga pembelian yang berkaitan.

## **9. BAKI MINIMUM DALAM AKAUN**

- 9.1 Pelanggan mestilah mempunyai baki minimum DUA (2) gram Emas dalam Akaun pada setiap masa.

## **10. PENGAKUAN PELANGGAN**

- 10.1 Pelanggan berjanji, mengaku dan bersetuju bahawa:-

- Semua butiran dan maklumat yang dilengkappkan oleh Pelanggan dalam pesanan belian dan borang pengeluaran/penjualan adalah bukti muktamad pada tarikh dan bagi kuantiti Emas yang dibeli atau dijual oleh Pelanggan.
- Jumlah/kuantiti maksimum Emas yang boleh dijual oleh Pelanggan terhad kepada baki sebenar Emas yang terdapat dalam Akaun dan tertakluk kepada kuantiti minimum Emas yang perlu dikenalkan seperti yang ditetapkan oleh KFHMB dalam fasal 9 di atas.
- Tiada Emas fizikal akan diserahkan kepada KFHMB untuk membuka/mendepositkan ke dalam Akaun Pelanggan dan KFHMB berhak untuk menolak deposit sedemikian.
- Walau apa pun peruntukan yang bertentangan, dan atau apa-apa kewajipan atau obligasi yang tersurat atau tersirat bagi pihak KFHMB, KFHMB berhak untuk tidak menerima apa-apa arahan bagi penjualan atau pembelian Emas dan/atau untuk menetapkan apa-apa harga dalam tempoh ketika KFHMB tidak dapat memperoleh sebut harga bagi harga Emas atas apa jua sebab sekali pun.
- Pelanggan bertanggungjawab terhadap segala cukai atau levi perlu dibayar ke atas Akaun atau bagi Emas yang dibeli dan/atau dijual di bawah Akaun (jika ada).
- Akaun tidak boleh diserah hak atau dipindah milik, begitu juga Emas dalam Akaun tidak boleh disandarkan atau dicagarkan sebagai cagaran kepada mana-mana pihak selain KFHMB.
- Pelanggan hendaklah setelah membuka Akaun, dengan serentak membuka dan menyelenggarakan Akaun yang Ditetapkan untuk tujuan mendebitkan harga belian Emas atau mengkreditkan hasil jualan yang diterima daripada penjualan Emas.

## **11. PERMINTAAN UNTUK EMAS FIZIKAL**

- 11.1 Tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini dan sentiasa dengan syarat bahawa kuantiti Emas yang masih belum dikreditkan ke dalam Akaun adalah mencukupi, Pelanggan boleh mengeluarkan apa-apa Emas fizikal daripada Akaun dalam denominasi SATU (1), LIMA (5), SEPULUH (10), LIMA PULUH (50), SATU RATUS (100) gram atau denominasi lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh KFHMB dari semasa ke semasa.

- 11.2 Bagi tujuan pengeluaran Emas fizikal daripada Akaun, Pelanggan akan menyerahkan Borang Simpanan/ Pengeluaran Emas Fizikal yang telah dilengkappkan dan ditandatangani sewajarnya kepada KFHMB. Borang Simpanan/ Pengeluaran Emas Fizikal, sebaik sahaja dikeluarkan oleh Pelanggan, melainkan bagi apa-apa kesilapan nyata, adalah muktamad. Tertakluk kepada fasal 11.1 di atas, Pelanggan boleh memohon pengeluaran Emas fizikal daripada Akaun dari cawangan lain dengan syarat jumlah maxima pengeluaran adalah tidak melebihi LIMA PULUH (50) gram dalam tempoh tiga (3) bulan.

- 11.4 Pelanggan bersetuju bahawa dia/mereka akan mengambil Emas dari cawangan yang ditetapkan oleh KFHMB, pada tarikh Pelanggan menyerahkan borang pengeluaran atau pada masa dan tarikh lain tersebut seperti yang dimaklumkan oleh KFHMB tertakluk kepada terdapatnya Emas.

- 11.5 Pelanggan seterusnya bersetuju bahawa semua risiko penyerahan Emas fizikal akan berpindah kepada Pelanggan sebaik sahaja Pelanggan menerima Emas tersebut.

- 11.6 Jika Pelanggan gagal atau terlupa menghadirkan diri di cawangan yang ditetapkan oleh KFHMB pada tarikh pengambilan emas, maka Pelanggan dan KFHMB bersetuju bahawa KFHMB akan memegang dan menyimpan Emas yang dikeluarkan itu sehingga Pelanggan mengambil Emas fizikal tersebut daripada KFHMB.

## **12. PEMBELIAN SEMULA EMAS FIZIKAL ATAU DEPOSIT SEMULA EMAS FIZIKAL**

- 12.1 Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan yang terkandung dalam dokumen ini, Pelanggan boleh menjual semula emas kepada KFHMB dan KFHMB boleh membeli semula Emas fizikal yang dikeluarkan dari Akaun pada harga belian yang ditetapkan oleh KFHMB kepada Pelanggan tertakluk kepada fasal 5 di atas dan dengan syarat bahawa:-  
(a) pembungkusan dan pelekat keselamatan Emas fizikal kekal tidak terjejas; dan  
(b) nombor bersiri dan kod bar yang tercetak pada bahagian depan pembungkusan mestilah sepadan dengan rekod KFHMB.
- 12.2 Jumlah minimum untuk pembelian semula Emas fizikal ialah SATU (1) gram.
- 12.3 Bagi tujuan fasal 12.1 dan fasal 12.2 di atas, Pelanggan akan menyerahkan Borang Simpanan/ Pengeluaran Emas Fizikal yang telah dilengkapkan dan ditandatangani sewajarnya kepada KFHMB. Hasil jualan Emas di bawah fasal 12.1 di atas akan dikreditkan ke dalam Akaun yang Ditetapkan Pelanggan.
- 12.4 Jika Pelanggan ingin depositkan semula emas fizikal yang dikeluarkan ke Akaun, fasal 12.1, fasal 12.2, fasal 12.3, fasal 5 dan fasal 6 akan diguna pakai. Jumlah minimum Emas fizikal yang depositkan semula tidak boleh kurang daripada SATU (1) gram Emas (atau kuantiti minimum yang lain seperti yang ditentukan oleh KFHMB dari semasa ke semasa) dan dalam gandaan SATU (1) gram Emas (atau kuantiti minimum yang lain seperti yang ditentukan oleh KFHMB dari semasa ke semasa).
- 12.5 Jika Pelanggan telah menutup Akaun, maka Pelanggan boleh menjual semula Emas fizikal yang dikeluarkan dari Akaun yang ditutup itu kepada KFHMB dengan syarat pelekat keselamatan Emas yang dicetak timbul/ditandakan itu kekal tidak terjejas dan hasil jualan Emas di atas akan dikreditkan ke dalam Akaun yang Ditetapkan Pelanggan atau Pelanggan boleh membuka Akaun baru tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini.

## **13. PENUTUPAN AKAUN EMAS-i KFH**

- 13.1 Akaun akan disifatkan sebagai telah ditutup sebaik sahaja kesemua Emas yang terdapat dalam Akaun dikeluarkan oleh Pelanggan atau menurut undang-undang operasi.
- 13.2 Penutupan Akaun menurut fasal 13.1 di atas hendaklah disifatkan sebagai tindakan menamatkan kontrak Qardh dan KFHMB atau Pelanggan tidak mempunyai apa-apa liabiliti terhadap satu sama lain kecuali bagi apa-apa pelanggaran sebelum itu di bawah Terma dan Syarat ini.
- 13.3 KFHMB akan pada bila-bila masa, atas budi bicaranya menghalang Pelanggan daripada mengendalikan Akaun, jika KFHMB mengesyaki bahawa KFH Akaun Emas-idigunakan untuk apa jua tujuan yang menyalahi undang-undang.
- 13.4 Jika salah seorang pemegang akaun bersama meninggal dunia, bankrap, tidak waras atau dibubarkan, dan di mana mandat bagi pemegang akaun bersama memberangkan akaun bersama tersebut dikendalikan oleh salah seorang pemegang akaun bersama sebagai penandatangan tunggal (atau sebaliknya di mana semua pemegang akaun bersama menandatangan bersama), pemegang akaun bersama yang masih hidup, waras atau tidak dibubarkan akan berhak untuk mengendalikan akaun bersama itu sehingga penerimaan notis secara bertulis mengenai kematian, kebankrapan, ketidakwarasan atau pembubaruan atau tuntutan pertikaian pemegang akaun bersama.
- 13.5 KFHMB akan menghadkan atau tidak memberangkan operasi ke atas akaun bersama setelah menerima notis daripada salah satu pemegang akaun bersama menamatkan mandat bagi mengendalikan akaun bersama, sehingga KFHMB telah menerima perintah mahkamah atau kebenaran/pengeluaran secara bertulis daripada semua pemegang akaun bersama atau waris mereka.

## **14. NOTIS**

- 14.1 Pelanggan akan memaklumkan KFHMB tentang apa-apa pertukaran alamat, nombor telefon atau maklumat lain. Semua surat-menyerat yang dihantar melalui pos oleh KFHMB yang dialamatkan kepada atau diserahkan ke alamat terakhir Pelanggan yang diketahui yang didaftarkan dengan KFHMB akan disifatkan sebagai telah diserahkan sewajarnya kepada Pelanggan.
- 14.2 Tanpa mengambil kira fasal 4.4 di atas, jika KFHMB membekukan Akaun di bawah fasal 4.4 menurut perintah mahkamah dan/atau apa-apa undang-undang yang terpakai, maka KFHMB akan memaklumkan Pelanggan secara bertulis dan notis tersebut akan dihantar melalui pos oleh KFHMB dialamatkan kepada atau diserahkan ke alamat terakhir Pelanggan yang diketahui yang didaftarkan dengan KFHMB.

## **15. PENYATA SUKU TAHUNAN**

- 15.1 Penyata Akaun Pelanggan akan dihantar setiap suku tahunan atau apa-apa tempoh lain seperti yang ditentukan oleh KFHMB atau akan disediakan apabila diminta oleh Pelanggan.
- 15.2 Pelanggan diminta untuk memeriksa semua masukan dalam penyata dan melaporkan dengan segera kepada KFHMB tentang apa-apa kesilapan dalam penyata tersebut.
- 15.3 Jika Pelanggan tidak, dalam tempoh empat belas (14) hari selepas menerima penyata, membuat bantahan tentang apa-apa masukan dalam penyata, maka Pelanggan akan disifatkan telah menerima masukan yang dibuat dari tarikh masukan terakhir dalam penyata sebagai benar dan betul.

## **16. HAK MEMBUAT TOLAKAN**

- 16.1 Tanpa menjelaskan mana-mana remedi lain yang KFHMB mungkin akan, KFHMB mungkin memberikan notis bertulis dalam tempoh sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kepada Pelanggan, menggabungkan dan menyatukan mana-mana atau kesemua akaun Pelanggan dengan KFHMB terhadap liabiliti Pelanggan dengan KFHMB dan menolak dan memindahkan apa-apa jumlah yang masih belum dikreditkan kepada mana-mana akaun tersebut bagi menyelesaikan apa-apa liabiliti Pelanggan dengan KFHMB di bawah mana-mana akaun, perjanjian atau kontrak, sama ada liabiliti tersebut adalah utama, sampingan, bersama atau berasingan atau dalam mana-mana mata wang lain.
- 16.2 Sehingga semua wang yang terhutang dibayar atau dilunaskan sepenuhnya, Pelanggan tidak akan, dengan membayar apa-apa jumlah yang boleh didapatkan semula oleh KFHMB atau dengan apa-apa cara lain atau atas apa-apa sebab lain, menuntut apa-apa tolakan atau menuntut balas terhadap KFHMB berhubung dengan apa-apa liabiliti daripada KFHMB kepada Pelanggan atau mana-mana pihak lain. Pelanggan bersetuju bahawa tiada apa-apa dalam persetujuan antara KFHMB dengan Pelanggan dan/atau mana-mana pihak lain akan disifatkan sebagai membentuk satu perjanjian tersirat yang mengehadkan atau menidakkan apa-apa lien, cagaran, sandaran, hak membuat tolakan atau hak lain yang KFHMB ada pada masa ini atau yang dikenakan mengikut undang-undang.

## **17. TANGGUNG RUGI**

- 17.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Pelanggan akan melepaskan KFHMB daripada apa-apa liabiliti dan menanggung rugi KFHMB terhadap apa jua kerugian, tuntutan, ganti rugi, kos dan belanja yang dikemukakan atau dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau yang ditanggung dan dialami oleh KFHMB akibat menjalankan arahan Pelanggan untuk membeli dan/atau menjual Emas atau menguatuksaskan terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini atau yang ditanggung oleh KFHMB dalam apa jua jenis prosiding undang-undang.

## **18. PENDEDAHAN**

- 18.1 Pelanggan membenarkan KFHMB mendedahkan maklumat Akaun seperti yang dikehendaki oleh mana-mana kumpulan syarikat KFHMB, Bank Negara Malaysia dan mana-mana pihak berkaitan seperti yang disifatkan perlu oleh KFHMB. KFHMB akan dilepaskan daripada apa-apa tanggungjawab atau liabiliti.

## **19. PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT**

- 19.1 KFHMB berhak meminda, menghapus atau menambah kepada mana-mana Terma dan Syarat produk ini secara keseluruhannya ataupun sebahagiannya malah juga memegang hak untuk menghentikan produk ini dengan notis awal kepada pelanggannya. KFHMB mungkin akan memberikan notis atau komunikasi kepada pelanggannya melalui kaedah yang dianggap oleh KFHMB sebagai bersesuaian, dan tidak terbatas kepada pos, media massa, notis yang dipaparkan di cawangan-cawangan KFHMB, notis yang disertakan bersama penyata akaun, transmisi elektronik (termasuk faksimili, telefon bimbit, peranti lain atau internet) atau kenyataan di laman web KFHMB atau di mesin ATM atau terminal lain yang diselia KFHMB. Akses kepada terma & syarat terkini boleh didapati di laman web [www.kfh.com.my](http://www.kfh.com.my) dan/atau boleh didapati atas permintaan di mana-mana cawangan KFHMB atau mana-mana saluran penghantaran lain KFHMB.
- 19.2 Apa-apa tambahan, perubahan atau pengubahsuaian akan disifatkan sebagai muktamad dan mengikat sama ada ia dicetak atau tidak dalam penyata suku tahunan atau slip urus niaga.

## **20. PELBAGAI**

- 20.1 Untuk tujuan Terma dan Syarat ini:

- ungkapan "Hari Perniagaan" bermaksud hari (tidak termasuk hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) bank dibuka untuk perniagaan di Malaysia;
- ungkapan "Ringgit Malaysia atau RM" bermaksud mata wang Malaysia yang sah;
- ungkapan "Dolar Amerika Syarikat atau USD" bermaksud mata wang Amerika Syarikat yang sah;
- ungkapan "Bai As-Sarf" bermaksud pertukaran satu bentuk kewangan untuk yang lain dalam bentuk yang sama atau berbeza, iaitu emas untuk duit syiling emas, perak untuk perak, emas untuk perak atau sebaliknya, dll. tertakluk kepada pematuhan Shariah.
- ungkapan "Qardh" bermaksud kontrak Qardh antara Pelanggan sebagai Pembiutang (Muqrighth) dan KFHMB sebagai penghutang (Muqtaridh), apabila deposit Pelanggan dalam KFH Akaun Emas-i merupakan pinjaman ihsan kepada KFHMB oleh Pelanggan selagi ia kekal dalam Akaun.

- 20.2 Sebagai tambahan kepada terma dan syarat terkandung dalam dokumen ini, pengendalian Akaun akan ditentukan oleh dan tertakluk kepada peraturan, kaedah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia dan badan atau persatuan lain yang berkaitan sama ada peraturan, kaedah dan garis panduan tersebut mempunyai kuasa undang-undang atau tidak.

- 20.3 Jika terdapat sebarang percanggahan maksud di antara terjemahan mana-mana bahasa daripada versi Bahasa Inggeris dalam mana-mana Terma-terma dan Syarat-syarat, versi bahasa Inggeris diguna pakai.

**NOTIS:** Pulangan KFH Akaun Emas-i adalah tertakluk pada turun naik harga emas. Pelangan adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami produk ini sebelum membuat sebarang deposit. Produk ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).